

21 FEB 1998

FIRMA AUSTRALIA YAKIN TERHADAP M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- CSR Ltd, firma berpangkalan di Australia yang memilih Kuala Lumpur untuk mengadakan mesyuarat lembaga pertamanya di Asia hari ini, melahirkan keyakinan terhadap prospek jangka panjang Malaysia.

Dalam melahirkan keyakinan terhadap Malaysia meskipun masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara ketika ini, pengerusinya Ian Burgess berkata: "Kami datang ke sini adalah bagi tempoh jangka panjang dan untuk meninjau peluang perniagaan. Ini adalah perkara yang kami sampaikan kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad pagi ini."

Beliau memberitahu para pemberita, selepas menemui Perdana Menteri bahawa CSR yakin terhadap kehadirannya di Malaysia terutama dalam bahagian bahan binaan dan penyalutan yang menjadi kegiatan utama syarikat itu.

"Terdapat banyak ruang dan peluang-peluang bagi kami untuk terus mengembangkan perniagaan," katanya.

Mengenai krisis ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia, Burgess berkata negara ini berada pada kedudukan terbaik untuk menangani keadaan di mana beliau yakin ianya hanya berlaku bagi tempoh sementara waktu sahaja.

CSR, adalah satu daripada syarikat pengeluar bahan binaan dan bangunan yang terbesar di dunia dengan mempunyai asas pasaran yang luas bukan sahaja di Australia tetapi juga di Amerika.

Di Malaysia, syarikat itu memulakan pengeluaran bahan penyalutan "rockwool" bagi pasaran Asia menerusi anak syarikatnya CSR Building Materials (M) Sdn Bhd (CBM) sejak 1981.

CBM adalah syarikat usaha sama antara anak syarikat Permodalan Nasional Bhd, PFM Capital Holdings Sdn Bhd (30 peratus) dengan CSR Ltd (70 peratus).

Pelaburan awalnya dalam penyalutan "rockwool" lebih terarah kepada pasaran perindustrian dan prasarana utama tetapi sejak itu CSR telah mempelbagaikan produknya.

Projek yang telah disiapkan sehingga kini terdiri daripada loji penjana tenaga di Pelabuhan Klang dan Stesen Kuasa Paka, projek petrokimia seperti Gas Cecair Asli Malaysia di Bintulu dan penapisan di Melaka serta baru-baru ini projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sementara itu, pengerusi CBM Tan Sri Arshad Ayub berkata: "Pengembangan terbaru aktiviti kami dalam konkrit ringan autoclaved (ALC) telah menyaksikan penggunaan ALC di bangunan KLCC dan KLIA serta pelbagai projek berprestij lain."

CBM memiliki dua buah kilang pengeluaran, satu di Bukit Raja, Kelang dan sebuah lagi di Senawang, Negeri Sembilan.

Kira-kira 70 peratus daripada produk yang dikeluarkan menggunakan kandungan bahan tempatan dan dieksport ke luar negara.

"Kami telah melabur RM150 juta di Malaysia dan akan meneruskan pelaburan di negara ini," kata Arshad. -- BERNAMA

ZMY ZK OS